

**KESEDIAAN, AMALAN DAN STRATEGI PENGAJARAN PENDIDIKAN
ISLAM KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH TAHUN SATU**

ZURAIDAH BINTI RAMDZAN @ RAMBAN

**Disertasi ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Kurikulum dan Pengajaran)**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

OKTOBER 2013

Dedikasi

*Teristimewa untuk suami yang dikasihi, **Suhaimie bin Moridan**
yang sama-sama berjuang untuk segulung Sarjana ini,
kita sama-sama mengharungi segala cabaran dan kepayahan
demi kejayaan bersama,
juga **Abang** adalah tunjang utama dalam meraih setiap saat kejayaan
yang kita kecapai hari ini.
Buat Emak dan Abah serta Mak Mertua yang sentiasa
mendoakan kejayaan, kebahagiaan, sokongan serta semangat.
Buat anakanda tersayang **Aisyah Shofwa, Anis Sofea,**
Ahmad Ameyr Wafeeq dan **Azzahratus Syifa**
moga kejayaan umi dan ayah ini menjadi inspirasi kalian
untuk berjaya dan cemerlang dunia akhirat.
Juga titipan dedikasi ini untuk
Pensyarah-pensyarah Fakulti Pendidikan, UTM.
Keluarga dan rakan-rakan yang membantu.*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah inayah dan izinNya kajian ini dapat disempurnakan. Saya dengan seikhlas hati ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan khususnya kepada pensyarah penyelia, Dr Ahmad Johari bin Sihes di atas segala bimbingan, teguran, tunjuk ajar, nasihat dan panduan yang telah dihulurkan sepanjang tempoh penyelidikan kajian ini dijalankan. Ribuan terima kasih tidak terhingga kerana tanpa jemu terus memberi nasihat, teguran dan bimbingansehingga kajian ini sempurna dilaksanakan.

Penghargaan ini juga diberikan kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Pendidikan khususnya yang telah memberikan semangat dan inspirasi untuk melaksanakan kajian ini. Tidak lupa juga penghargaan ini diberikan kepada Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah Muar, para Guru Besar, Ustaz-ustaz, Ustazah-ustazah dan rakan-rakan guru yang sudi memberikan kerjasama dan maklumbalas. Akhir sekali tidak lupa kepada rakan-rakan baik terutama rakan-rakan sekuliah yang banyak membantu untuk menyiapkan kajian ini.

Semoga Allah S.W.T membalas dengan ganjaran baik segala usaha dan kerjasama yang dihulurkan. Harapan saya agar kajian ini dapat dimanfaatkan oleh semua.

Terima kasih. Jazakallahu Khoirun Jaza'.

ABSTRAK

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) adalah satu transformasi kurikulum sekolah rendah yang akan menggantikan kurikulum yang sedia ada iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). KSSR telah mula dijalankan untuk Tahun 1 bermula tahun 2011 di seluruh Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kesediaan, amalan dan strategi pengajaran dalam melaksanakan Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahun 1. Sampel kajian terdiri daripada 160 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar Tahun 1 dari 101 buah sekolah rendah di daerah Muar. Data yang diperolehi melalui soal selidik dianalisis menggunakan program *SPSS for Windows (version 19.0)* melibatkan statistik deskriptif seperti peratus dan frekuensi. Ujian inferensi iaitu *ANOVA* Satu Hala digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Dapatan kajian telah menunjukkan tahap kesediaan guru tinggi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam KSSR Tahun Satu dan tidak ada perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru berdasarkan tempoh pengalaman mengajar. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa amalan strategi pengajaran yang digunakan oleh guru adalah strategi pemusatan guru dan strategi pemusatan murid. Selain itu dapatan kajian juga telah menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan amalan strategi pengajaran berdasarkan kelulusan ikhtisas. Manakala kaedah pengajaran yang paling kerap digunakan oleh guru Pendidikan Islam Tahun Satu adalah kaedah latih tubi, soal jawab, perbincangan dan bercerita.

ABSTRACT

The Standard-Based Curriculum for Primary Schools (KSSR) is a transformation of the primary school curriculum which will replace the curriculum namely Integrated Curriculum for Primary Schools (KBSR). KSSR is being conducted for year 1 starting from 2011. The objective of this research is to study the readiness, teaching strategies and teaching methods of the Year 1 Islamic Education teachers in implementing the Standard-Based Curriculum for Primary Schools (KSSR) . The research sample is taken from 160 primary school teachers in Muar. Data collected through questionnaires were analyzed using SPSS for Windows (version 19.0) which involved descriptive statistics such as percentage and frequency. Inferential test One Way ANOVA is used to test the research hypotheses. The findings show high readiness level in the teaching and learning of Islamic Education KSSR Year One and there is no significant difference in the teachers readiness level based on teaching experience. In addition the study also showed that no significant difference in the teaching strategies based on professional qualification. While the teaching method that are mostly used by Islamic Education teachers in the teaching and learning for Standard-Based Curriculum for Primary Schools (KSSR) are drills, question and answer, discussion and storytelling.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	Pengenalan	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Pernyataan Masalah	10
	1.4 Objektif Kajian	13
	1.5 Persoalan Kajian	14
	1.6 Hipotesis Kajian	15
	1.7 Kepentingan Kajian	15
	1.8 Batasan Kajian	17
	1.9 Kerangka Konsep Kajian	18
	1.10 Definisi Istilah	21
	1.10.1 Kesediaan Guru	21
	1.10.2 Amalan	22

1.10.3	Standard	22
1.10.4	Kurikulum Standard Sekolah Rendah(KSSR)	23
1.10.5	Strategi Pengajaran	23
1.10.6	Kaedah Pengajaran	24
1.10.7	Pengalaman Mengajar	25
1.11	Penutup	26

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	27
2.2	Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)	28
2.3	Konsep Kurikulum Pendidikan Islam	32
2.4	Konsep dan Prinsip Pengajaran dan Pembelajaran	35
2.5	Strategi Pengajaran Pendidikan Islam	40
2.5.1	Strategi Pemusatan Guru	43
2.5.2	Strategi Pemusatan Murid	45
2.5.3	Strategi Pemusatan Bahan	46
2.6	Kaedah-Kaedah Dalam Pengajaran Pendidikan Islam	47
2.6.1	Kaedah kuliah / Syarahan	49
2.6.2	Kaedah hafazan	50
2.6.3	Kaedah Soaljawab	50
2.6.4	Kaedah Bercerita	50
2.6.5	Kaedah Simulasi	51
2.6.6	Kaedah Projek	51
2.6.7	Kaedah Demonstrasi/Amali	52
2.6.8	Kaedah Latih Tubi	52
2.6.9	Kaedah Perbincangan	52
2.6.10	Kaedah Inkuiri	53
2.6.11	Kaedah Audio Visual	54
2.6.12	Kaedah Pengembaraan	54

2.6.13	Kaedah Permainan	54
2.7	Model-model Pengajaran Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam	55
2.7.1	Model Pengajaran Reiser dan Dick	56
2.7.2	Model Pengajaran ASSURE	59
2.7.3	Model Pengajaran Taba	62
2.8	Transformasi Kurikulum Pendidikan Islam	64
2.9	Kajian-Kajian Mengenai Amalan Strategi Pengajaran Serta Perubahan Kurikulum Baru	65
2.10	Penutup	68

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	70
3.2	Rekabentuk Kajian	71
3.3	Populasi Dan Persampelan Kajian	72
3.4	Instrumen Kajian	72
3.4.1	Bahagian A: Maklumat Diri Responden	73
3.4.2	Bahagian B : Tahap Kesediaan Guru	74
3.4.3	Bahagian C ; Amalan Strategi Pengajaran Guru	75
3.4.4	Bahagian D :Kaedah Pengajaran Mengikut Bidang	76
3.5	Kesahan Instrumen Soal Selidik	77
3.6	Kajian Rintis	79
3.7	Prosedur Kajian	82
3.8	Analisis Data	84
3.9	Penutup	86

BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	88
4.2	Maklumat Responden	89
4.3	Maklumat Responden Dan Analisis Data Bagi Persoalan Kajian Tahap Kesediaan Guru.	93
4.4	Maklumat Responden Dan Analisis Data Bagi Persoalan Kajian Amalan Strategi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Tahun 1	97
4.5	Maklumat Responden Dan Analisis Data Bagi Persoalan Kajian Kaedah Pengajaran Guru Pendidikan Islam Tahun 1 Mengikut Bidang.	102
4.5.1	Rumusan Analisis Data Bagi Persoalan Kajian Kaedah Pengajaran	109
4.6	Pengujian Hipotesis	111
4.6.1	Hipotesis nol 1	111
4.6.2	Hipotesis nol 2	113
4.7	Rumusan	114
4.8	Penutup	116

BAB 5 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI

5.1	Pendahuluan	117
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	118
5.2.1	Latar belakang Responden	118
5.2.2	Tahap Kesediaan Guru Melaksanakan Pengajaran & Pembelajaran Pendidikan Islam KSSR Tahun 1	120
5.2.3	Tahap Amalan Strategi Pengajaran Guru Melaksanakan Pengajaran & Pembelajaran Pendidikan Islam KSSR Tahun 1	121

5.2.4	Kaedah Pengajaran Guru Melaksanakan Pengajaran & Pembelajaran Pendidikan Islam KSSR Tahun 1	124
5.2.5	Perbezaan Tahap Kesianaan Guru Bersandarkan Tempoh Pengalaman Mengajar	126
5.2.6	Perbezaan Amalan Strategi Pengajaran Guru Bersandarkan Kelulusan Ikhtisas	128
5.3	Rumusan Kajian	129
5.4	Cadangan Kajian	131
5.5	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	133
5.6	Penutup	134
SENARAI RUJUKAN		136
LAMPIRAN A - B		

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.2	Tahap band dalam pentaksiran KSSR	32
3.1	Taburan item mengikut aspek kesediaan guru	75
3.2	Taburan item mengikut jenis strategi pengajaran	75
3.3	Pengkelasan item mengikut bidang	77
3.4	Hasil komen dan cadangan verifikasi pakar	78
3.5	Nilai Alpha Cronbanch bagi setiap bahagian	80
3.6	Pengubahsuaian Kenyataan Item-Item Soal Selidik Bahagian B	81
3.7	Pengubahsuaian Kenyataan Item-Item Soal Selidik Bahagian C	82
3.8	Kaedah analisis persoalan kajian	84
3.9	Pengkelasan skor min dan status	85
3.10	Garis panduan Guilford	86
4.1	Taburan bilangan keseluruhan responden	89
4.2	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut lokasi sekolah	90
4.3	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina	90
4.4	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut kelulusan akademik tertinggi	91
4.5	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut kelayakan ikhtisas / latihan perguruan	92
4.6	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar	92
4.7	Maklumbalas responden mengenai tahap kesediaan guru Pendidikan Islam Tahun 1	94
4.8	Maklumbalas responden mengenai amalan strategi	98

	pengajaran guru Pendidikan Islam Tahun 1	
4.9	Maklumbalas responden mengenai kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam Tahun 1 mengikut bidang al-Quran	103
4.10	Maklumbalas responden mengenai kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam Tahun 1 mengikut bidang Ibadah	104
4.11	Maklumbalas responden mengenai kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam Tahun 1 mengikut bidang Akidah	105
4.12	Maklumbalas responden mengenai kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam Tahun 1 mengikut bidang Sirah	106
4.13	Maklumbalas responden mengenai kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam Tahun 1 mengikut bidang Akhlak	107
4.14	Maklumbalas responden mengenai kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam Tahun 1 mengikut bidang Jawi	108
4.15	Analisa Kaedah Pengajaran Mengikut Bidang dan Kedudukan Tertinggi	110
4.16	Tahap kesediaan guru Pendidikan Islam berdasarkan tempoh pengalaman mengajar	112
4.17	Ujian ANOVA tahap kesediaan guru Pendidikan Islam berdasarkan tempoh pengalaman mengajar	112
4.18	Strategi pengajaran guru berdasarkan kelulusan ikhtisas atau latihan perguruan.	113
4.19	Ujian ANOVA amalan strategi pengajaran guru Pendidikan Islam berdasarkan kelulusan Ikhtisas	114
4.20	Rumusan tentang persoalan kajian berdasarkan min dan tahap	115

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Kerangka Teori Model Pengajaran Reiser dan Dick	19
1.2	Kerangka Konsep Kajian : Pelaksanaan Pengajaran Pembelajaran Pendidikan Islam KSSR Tahun 1	20
2.1	Transformasi Kurikulum	29
2.2	Aliran Prinsip Pengajaran Taba	64

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	-	PENERANGAN
KSSR	-	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KBSR	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
EMK	-	Elemen Merentasi Kurikulum
j-QAF	-	Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dab Fardhu Ain
TMK	-	Teknologi Merentasi Kurikulum
KHB	-	Kemahiran Hidup Bersepadu
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
P & P	-	Pengajaran dan pembelajaran
JAPIM	-	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
BBM	-	Bahan Bantu Mengajar
ICT	-	Information and Communication Technology
FPI	-	Falsafah Pendidikan Islam
FPN	-	Falsafah Pendidikan Negara
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebanagsaan
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
S.W.T	-	Subhanahu Wataala
S.A.W	-	Solallahu ‘Alaihi Wassalam
JERI	-	Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek
BPK	-	Bahagian Pembangunan Kurikulum

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****TAJUK**

A

Borang Soal Selidik

B

Analisis Data (Anova Satu Arah)

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan sekolah rendah adalah pendidikan yang bertujuan melahirkan insan yang seimbang serta berkembang secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Kepentingan pengajaran Pendidikan Islam telah bermula semenjak perbincangan tentang paradigma baru kurikulum Pendidikan Islam seluruh dunia dalam sebuah konvesyen “ *The First Conference on Muslim Education*” yang diadakan di Mekah pada tahun 1977 (Syed Ali Ashraf, 1994). Negara Malaysia semenjak itu mula merangka dan melaksanakan falsafah dan konsep pendidikan Islam. Usaha murni dimulakan dengan penggubalan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) pada tahun 1987, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara serta berpandukan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukunegara (1970).

Wan Zahid Wan Nordin (1994) menyatakan bahawa dalam konteks dunia moden hari ini, Pendidikan Islam amat penting untuk memastikan pelajar mempunyai kekuatan dalaman untuk menyesuaikan diri dengan keperluan semasa agar mereka tidak terkeluar daripada landasan nilai etika dan kerohanian.

Sehubungan dengan itu, peranan guru adalah sangat penting dalam mendidik anak didiknya. Di dalam kelas guru berperanan sebagai pendidik, pemudahcara dan fasilitator. Guru yang menggunakan strategi pengajaran berkesan memudahkan pelajar memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, manakala guru yang sebaliknya akan menyebabkan objektif pengajaran dan pembelajaran tidak tercapai.

Selain itu perkembangan dan perubahan dalam kurikulum pendidikan Malaysia memungkinkan guru Pendidikan Islam mengubah amalan strategi pengajaran khususnya dan guru-guru lain amnya. Ini kerana Kementerian Pelajaran Malaysia yang sentiasa prihatin dengan kehendak masyarakat disamping menyusuri arus globalisasi sedang melaksanakan dasar kurikulum transformasi iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2011. Sehubungan dengan itu guru-guru seharusnya memikirkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dan lebih efektif ke arah mencapai kecemerlangan KSSR pada masa hadapan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Melalui surat pekeliling Ikhtisas Bilangan II/2010, KSSR adalah Kurikulum Standard Sekolah Rendah merupakan satu bentuk kurikulum baru yang akan berkuatkuasa tahun 2011 secara berperingkat bermula dengan Tahun 1. Kurikulum ini selaras dengan perkembangan dan permintaan semasa yang menuntut modal insan yang lebih berkualiti sejajar dengan zaman yang serba maju dan canggih kini. Menurut Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia pada masa itu, Tan Sri Alimuddin bin Mohd Dom mengatakan bahawa KSSR tidak akan menggantikan tetapi beriringan dengan kurikulum yang sedia ada iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR).

Melalui surat pekeliling itu juga dinyatakan peruntukan masa seminggu iaitu sebanyak 1380 minit (satu waktu pengajaran dan pembelajaran adalah 30 minit). Pihak sekolah perlu menyediakan jadual persekolahan seperti yang ditetapkan dalam KSSR dan perlu memilih untuk melaksanakan sekurang-kurangnya satu bahasa dalam modul Elektif mengikut kesediaan sekolah dalam aspek penyediaan guru, permintaan daripada murid serta prasarana sekolah.

KSSR merupakan satu rekabentuk kurikulum modular yang memberi peluang kepada pelajar melalui proses pembelajaran mengikut kemampuan sendiri kerana banyak standard kandungan yang dirancang memupuk sikap tanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri menerusi aktiviti eksplorasi yang boleh menyerlahkan potensi mereka. Selain itu penerapan tiga elemen penting merentasi kurikulum (EMK) ditekankan dalam KSSR. Elemen-elemen itu ialah kreativiti dan inovasi, keusahawanan serta teknologi maklumat dan komunikasi (TMK).

Berbeza dengan kurikulum semasa yang masih lagi dijalankan di negara ini iaitu KBSR dibentuk berlandaskan perakuan 57(a) Laporan Kabinet (Sufean Hussin, 2008), iaitu :

“ Kurikulum sekolah rendah itu hendaklah dirancang untuk membolehkan murid-murid mencapai kemahiran dalam tiga bidang asas iaitu bidang komunikasi, bidang manusia dengan alam sekelilingnya dan bidang perkembangan diri individu sesuai dengan keperluan, minat, bakat dan kemampuan mental serta kesediaan murid-murid itu “

Pendidikan Islam merupakan salah satu cabang yang diberi perhatian khas kerana cabang ini sangat penting bagi pembinaan sikap, watak dan peribadi. Dengan itu, matapelajaran ini adalah salah satu matapelajaran teras kepada murid Islam yang wajib diajar di sekolah dan institusi pendidikan yang mempunyai sekurang-

kurangnya 5 orang murid Islam. Subjek ini hanya akan diajar oleh guru Pendidikan Islam yang diluluskan oleh pihak berkuasa negeri (Zainab Ismail, 2002).

Kesungguhan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dalam memastikan keberkesanan Pendidikan Islam, khususnya dalam aspek amali amat jelas dengan terlaksananya Ujian PAFA (Perkara Asas Fardu Ain) pada tahun 1995, di mana setiap pelajar beragama Islam akan diuji secara amali disepanjang persekolahannya, iaitu di peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Di samping itu juga pihak Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mewujudkan program j-Qaf dalam Pendidikan Islam yang bertujuan memperkasakan lagi kemahiran jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain. Walaupun berlakunya transformasi dalam kurikulum ia tidak akan mengubah Falsafah Pendidikan Islam yang merupakan salah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al Quran dan as Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah S.W.T yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Sehubungan dengan itu matlamat kurikulum Pendidikan Islam KSSR Tahun 1 adalah sama dengan Pendidikan Islam KBSR iaitu menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal salih dan beradab dan berakhlak mulia berdasarkan al Quran dan as Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T yang bertakwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara.

Objektif bagi murid-murid Tahun 1 ini yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran kurikulum standard Pendidikan Islam sekolah rendah diharapkan

berkebolehan untuk :

- i. Membaca al-Quran dengan betul, fasih dan bertajwid
- ii. Menghafaz surah-surah tertentu dari juzu' amma untuk bacaan dan solat dan ibadat harian
- iii. Memahami maksud beberapa surah yang dipelajari dan menghayati pengajarannya
- iv. Mengamalkan pembacaan al-Quran dalam kehidupan
- v. Memahami dan meyakini asas-asas keimanan sebagai pegangan akidah dan benteng keagamaan
- vi. Mengamalkan ibadat-ibadat asas dalam fardu 'ain serta memahami fardu kifayah sebagai tuntutan kewajipan umat Islam;
- vii. Memahami dan mengambil iktibar dengan sirah Rasulullah s.a.w. sebagai asas perkembangan tamadun manusia;
- viii. Mengamalkan adab dan menghayati nilai-nilai akhlak dalam kehidupan seharian; dan
- ix. Membaca dan menulis jawi serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa.

Fokus yang ditetapkan dalam Kurikulum Standard Pendidikan Islam sekolah rendah adalah memberi penekanan kepada kemahiran membaca al-Quran, pemantapan asas-asas akidah, ibadah dan akhlak serta menjadikan sirah Rasulullah s.a.w. sebagai iktibar dalam kehidupan harian. Pada akhir pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah murid mampu memahami, mengamal dan menghayati tuntutan fardu ain dan fardu kifayah.

Kronologi perubahan sistem kurikulum di Malaysia secara tidak langsung ia akan memberi tranformasi juga kepada amalan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ini berikutan KSSR di gubal berasaskan standard kandungan dan standard pembelajaran. Dalam matapelajaran Pendidikan Islam KSSR, standard kandungan itu adalah satu pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan

boleh lakukan dalam satu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan dan nilai. Manakala standard pembelajaran pula ialah satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Dari aspek kurikulum sekolah, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah membangunkan satu bentuk kurikulum baru yang lebih berpusatkan murid, lebih memberikan peluang kepada murid untuk meneroka bidang ilmu tersebut dengan lebih mendalam dan kurikulum yang menyeronokkan dan tidak berorientasikan peperiksaan.

Berbeza dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) Pendidikan Islam yang menekankan elemen penggunaan aras dalam hasil pembelajaran iaitu :

- (i) **Aras Satu** : Aras paling rendah atau mudah bertujuan memenuhi keperluan kumpulan murid pencapaian rendah. Ia aras yang paling mudah yang mesti dikuasai oleh keseluruhan murid. Bimbingan dan dorongan dengan aktiviti yang sewajarnya perlu diberi untuk mencapai penguasaan hasil pembelajaran aras ini.
- (ii) **Aras Dua** : Aras sederhana yang perlu dikuasai oleh murid yang mempunyai aras kebolehan yang sederhana. 60%-70% daripada keseluruhan murid dalam kelas itu sepatutnya menguasai aras ini .
- (iii) **Aras Tiga** : Aras paling tinggi. Ia perlu dikuasai oleh murid-murid pencapaian tinggi. Selalunya disasarkan 15%-20% murid yang diajar boleh menguasai aras ini.

Dengan pembahagian hasil pembelajaran berdasarkan aras ini diharapkan dapat membantu guru melaksanakan pengajaran secara menyeluruh dan berkesan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004).

KSSR menekankan pelbagai pendekatan strategi pengajaran dan pembelajaran yang perlu dilaksanakan seperti pembelajaran melalui bermain, pembelajaran kontekstual, masteri dan inkuiri penemuan yang mementingkan standard kefahaman murid, perkembangan tahap murid dan pengaplikasian pelbagai kecerdasan murid dalam proses pengajaran. Strategi dan kaedah pengajaran yang digunakan itu mestilah memberi peluang pembelajaran yang tidak terhad kepada murid, menyeronokkan serta mengambil kira kepelbagaian kecerdasan murid.

Ini tidak banyak bezanya dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang disarankan dalam KBSR kerana walaupun berlaku transformasi dalam kurikulum ia tidak mengubah pedagogi pengajaran guru. Dalam KBSR pula guru perlu merancang strategi pengajaran yang dapat membina dan mengukuhkan minat murid terhadap pembelajaran serta membimbing mereka supaya bersedia menerima pelajaran seterusnya serta berupaya pula meneruskannya sendiri. Mengikut strategi ini setiap murid akan mengambil bahagian secara aktif dalam pelbagai kegiatan meliputi pelbagai unsur daripada komponen kemahiran asas, kerohanian, nilai dan sikap, kemanusiaan, persekitaran, kesenian dan rekreasi.

Pendidikan berkualiti adalah inspirasi yang tidak ternilai untuk kemajuan bangsa. Sumber-sumber dan rancangan pendidikan yang dirangka sekolah telah diselaraskan oleh pihak kerajaan dan Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai panduan sistematik yang wajib dilaksanakan di peringkat sekolah. Transformasi dalam sistem pendidikan di Malaysia ini hanya akan berubah dari segi rekabentuk kurikulumnya yang merangkumi aspek organisasi, bahan, pentaksiran dan peruntukan masa serta struktur persekolahan (KPM, 2010). Ini berdasarkan pemerhatian pengkaji yang melihat KSSR yang telah dibentuk, mempunyai matlamat Pendidikan Islam yang sama pada dasarnya dengan KBSR iaitu untuk menghasilkan insan yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan dalam kehidupan seharian supaya menjadi hamba Allah yang berjaya dunia dan akhirat.

Bagi meningkatkan kualiti Pendidikan Islam sekolah rendah agar lebih relevan dengan cabaran masa kini serta cabaran abad ke 21, amalan strategi pengajaran dan kaedah pembelajaran Pendidikan Islam KSSR yang dirancang mestilah mempunyai ciri-ciri berikut (KPM, 2010) iaitu :

- i. Menggunakan cara penulisan modul kreativiti yang terdiri dari 4 fasa utama iaitu Fasa Persediaan, Fasa Imajinasi, Fasa Perkembangan dan Fasa Tindakan.
- ii. Pembelajaran secara modular
- iii. EMK (Elemen Merentas Kurikulum) dalam pengajaran dan pembelajaran
- iv. Menjelmakan kesepaduan ilmu aqli dan naqli
- v. Merangkumi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah
- vi. Menekankan pembangunan insan mulia
- vii. Penulisan bahan kurikulum menggunakan tulisan jawi

Secara amnya, matlamat pengajaran dan pembelajaran KSSR adalah untuk memberi pendidikan berkualiti yang sama kepada semua murid. Maka kebertanggungjawaban (*accountability*) guru dan pentadbir memastikan semua murid mesti melepasi piawai standard yang ditetapkan. Berikut adalah perkara utama yang mesti ada dalam strategi pengajaran KSSR secara umum iaitu (KPM,2010) :

- i. Perancangan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan keperluan kurikulum dan keperluan murid
- ii. Menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak(*developmentally appropriate*) supaya pengajaran berkesan akan membawa makna kepada murid.
- iii. Menjalankan pentaksiran secara berterusan menggunakan pelbagai kaedah standard pentaksiran
- iv. Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dalam bilik darjah
- v. Penglibatan ibubapa dan komuniti setempat amat penting dalam pendidikan murid. Guru memainkan peranan yang penting dalam membina perhubungan antara sekolah dan ibubapa murid.

- vi. Guru menghadapi keadaan di mana terdapat murid keperluan khas dalam kelas mereka. Guru perlu membantu mengenalpasti murid keperluan khas ini dan memberi nasihat yang bersesuaian kepada ibubapa.

Kejayaan tranformasi kurikulum baru ini sebenarnya dipengaruhi oleh pembelajaran berkesan yang bergantung kepada kemahiran guru memilih strategi dan kaedah mengajar dengan mengaplikasikan pelbagai unsur kecerdasan. Guru juga patut mengambil kira gaya pembelajaran, minat dan tahap pencapaian murid agar pengajaran lebih berkesan. Menurut Hj.Zainal Abidin Hj.Abdul Kadir (1993), Pendidikan Islam memerlukan guru-guru yang memiliki kemahiran dan kebolehan atau "*skill*" yang tinggi di dalam penyampaian strategi pengajarannya. Guru Pendidikan Islam bukan sekadar menyampaikan ilmu atau pengetahuan tetapi hendaklah membimbing, membantu, mengasuh mendakwahkan, menunjuk pelajaran menjadi contoh dan pemimpin kepada pelajar .

Strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam reformasi kurikulum perlu memberikan pertimbangan seimbang dari segi akademik dan bukan akademik berpaksikan ilmu pengetahuan, teori dan aplikasi secara kontekstual dalam kehidupan mengikut kebolehan dan keupayaan pelajar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Perubahan yang dapat membawa kepada pencapaian standard yang diharapkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dapat dimulakan dengan pedagogi pendidikan. Manakala Muhammad Uthman el-Muhammadi (2003) pula menyebut bahawa di dalam profesion perguruan, tugas guru bukan sahaja mengajar sesuatu mata pelajaran tertentu tetapi guru juga berperanan sebagai pendidik manusia. Justeru itu para guru haruslah memiliki ciri-ciri profesionalisme yang menguasai ilmu-ilmu teras dan ilmu pedagogi sebagai asas kepada etika dan profesion perguruan.

Sehubungan itu juga, seorang guru yang profesional sentiasa mencari jalan dan memikirkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang terbaik dari segi

penyampaian ilmu, pendekatan, kaedah dan maklumat serta kemahiran kepada muridnya. Guru mesti mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta nilai-nilai murni yang unggul bagi menjadikan diri mereka sebagai pendidik yang berwibawa, mampu membangunkan sistem pendidikan negara yang berkualiti dan bertaraf dunia.

1.3 Pernyataan Masalah

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah bergantung kepada kesediaan, keupayaan serta peranan guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah untuk mencapai matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Islam yang telah digubal. Dalam beberapa kajian tentang pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam, terutamanya dalam kaitan ke arah pembinaan negara bangsa Malaysia, aspek yang paling utama yang perlu dikaji adalah strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru-guru Pendidikan Islam di bilik darjah (UKM, 2004). Secara perbandingannya dengan guru-guru matapelajaran lain, guru-guru Pendidikan Islam dikatakan masih lagi mempunyai beberapa kelemahan dalam merangka amalan dan strategi pengajaran yang terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Memandangkan aktiviti pengajaran merupakan satu aspek yang sangat penting dalam memastikan perkembangan positif pendidikan awal para pelajar, maka adalah penting untuk kita memastikan kesediaan guru dan pendekatan yang terbaik digunakan sewaktu mengajar. Kajian-kajian lepas menunjukkan kurang kesediaan dan kelemahan strategi pengajaran boleh menyebabkan pencapaian rendah pelajar. Kajian-kajian itu juga menekankan pihak sekolah patut memfokuskan kepada kesediaan dan amalan strategi pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu dalam kajian ini pengkaji ingin mengenalpasti kesediaan, amalan dan strategi pengajaran guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam KSSR. Kajian tentang keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bukanlah sesuatu yang baru dalam konteks pendidikan di Malaysia. Namun perhatian terhadap kesediaan, amalan dan strategi pengajaran dan pembelajaran masih berkurangan terutamanya kajian tentang kesediaan, amalan dan strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah di Malaysia. Kajian seperti ini adalah penting untuk mengenal pasti kesediaan guru Pendidikan Islam peringkat sekolah rendah menggunakan amalan dan strategi pengajaran yang berkesan dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan Pendidikan Islam untuk mencapai standard pendidikan Malaysia masa hadapan.

Sejajar dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai 2011, diharap kajian ini dapat mengetahui tahap kesediaan guru Pendidikan Islam dan mengenalpasti amalan strategi-strategi pengajaran yang dilaksanakan ke arah pencapaian KSSR. Ini kerana pengkaji melihat transformasi kurikulum ini banyak memerlukan keupayaan dan kebolehan guru melaksanakan pengajaran berkesan bagi mencapai standard pembelajaran. Guru-guru haruslah mempunyai kesediaan yang cukup dari sudut sikap, kemahiran dan pengetahuan kerana aspek-aspek itulah yang menjana ke arah keupayaan guru melaksanakan amalan strategi pengajaran Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

Satu inovasi ke arah mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif bagi menimbulkan minat dan rasa seronok pelajar dengan melibatkan diri secara aktif perlu dilaksanakan. Penekanan terhadap penguasaan ilmu, kemahiran dan nilai menuntut kepada perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tetapi malangnya kajian tentang kurikulum baru ini sebenarnya belum ada kerana ia masih lagi di awal peringkat pelaksanaannya.

Perubahan Kurikulum Pendidikan Islam yang sedang berwajah baru ini akan menuntut perubahan minda, persepsi dan strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam untuk memastikan apa yang dirancang dan digubal dalam kurikulum transformasi ini dapat disampaikan kepada semua murid Islam dengan sempurna serta dapat diamalkan dalam kehidupan seharian. Perubahan yang dicadangkan ini tidak akan berlaku sekiranya kita semua tidak bersedia berusaha ke arah itu. Oleh itu marilah kita semua bersatu tenaga dan usaha untuk memastikan hasrat Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Negara akan tercapai.

Kepelbagaian kaedah pengajaran Pendidikan Islam juga membawa implikasi kepada penetapan amalan dan strategi pengajaran guru Pendidikan Islam. Oleh itu dalam kajian ini, pengkaji akan dapat menganalisa amalan strategi pengajaran yang digunakan dalam kurikulum standard ini samada strategi pemusatan guru, bahan atau murid. Ini akan dapat membantu guru-guru Pendidikan Islam menetapkan amalan strategi pengajaran yang disarankan dalam kurikulum standard iaitu strategi pengajaran yang berpusatkan murid. Di samping itu dalam kajian ini juga amalan strategi pengajaran guru berdasarkan tempoh pengalaman mengajar akan memberi gambaran tentang kesediaan guru melaksanakan strategi pengajaran berkesan.

Bagi pengkaji untuk mendapatkan dapatan kajian ini ia merupakan satu cabaran besar kerana kurikulum ini masih berada di peringkat awal pelaksanaannya. Maka itu kajian ini seperti yang telah dinyatakan sebelum ini hanya ingin meninjau peringkat awal pelaksanaannya kurikulum baru ini dengan melihat aspek kesediaan, persepsi dan perancangan amalan strategi pengajaran yang dilaksanakan sesuai dengan matlamat KSSR Pendidikan Islam. Sehubungan itu, kajian ini akan memberi tumpuan kepada beberapa aspek penting dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam KSSR iaitu :

- i. Kesediaan guru terhadap pelaksanaan KSSR Pendidikan Islam
- ii. Amalan strategi pengajaran yang digunakan
- iii. Kaedah pengajaran dan pembelajaran

Selain itu, aspek penting lain yang akan diberi tumpuan ialah perbezaan amalan strategi pengajaran guru dan kesediaannya berdasarkan tempoh pengalaman guru Pendidikan Islam semasa pelaksanaan KSSR. Pengajaran tidak akan berkesan tanpa adanya kaedah yang sesuai dan menarik minat pelajar. Kesesuaian kaedah tersebut pula perlu diteliti supaya tidak membebankan guru dan tidak pula membosankan pelajar. Dengan penyelesaian masalah ini nanti mungkin akan dapat mewujudkan satu keseragaman pelaksanaan strategi pengajaran Pendidikan Islam KSSR.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan mengkaji kesediaan, amalan dan strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahun 1. Bagi mencapai tujuan ini, terdapat beberapa objektif khusus yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

- i. Menenalpasti tahap kesediaan guru Pendidikan Islam untuk melaksanakan Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahun 1.
- ii. Menenalpasti amalan strategi pengajaran yang dilaksanakan dalam pengajaran Pendidikan Islam Tahun 1 KSSR.
- iii. Menenalpasti kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam mengikut bidang berdasarkan turutan kekerapan melaksanakan Pendidikan Islam Tahun 1 KSSR.

- iv. Mengenalpasti perbezaan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam untuk melaksanakan Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahun 1 berdasarkan tempoh pengalaman mengajar.
- v. Mengenalpasti perbezaan amalan strategi pengajaran dikalangan guru-guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Pendidikan Islam Tahun 1 KSSR berdasarkan kelulusan ikhtisas atau latihan perguruan.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan di atas, maka persoalan kajian ini dapat dirumuskan seperti berikut :

- i. Apakah tahap kesediaan guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahun 1?
- ii. Apakah amalan strategi pengajaran yang dilaksanakan dalam pengajaran Pendidikan Islam Tahun 1 KSSR ?
- iii. Apakah kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam mengikut bidang berdasarkan turutan kekerapan melaksanakan Pendidikan Islam Tahun 1 KSSR.
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam untuk melaksanakan Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahun 1 berdasarkan tempoh pengalaman mengajar?

- v. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan amalan strategi pengajaran dikalangan guru-guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Pendidikan Islam Tahun 1 KSSR berdasarkan kelulusan ikhtisas atau latihan perguruan?

1.6 Hipotesis Kajian

Untuk menjawab soalan kajian iv dan v, hipotesis ini dibentuk :

- Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam untuk melaksanakan Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahun 1 berdasarkan tempoh pengalaman mengajar.
- Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan strategi pengajaran dikalangan guru-guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Pendidikan Islam Tahun 1 KSSR berdasarkan kelulusan ikhtisas atau latihan perguruan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada pihak penggubal kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri serta Pejabat Pelajaran Daerah dalam memberikan maklumat untuk merancang dan merangka kursus atau latihan yang berkaitan dengan aspek pengajaran dan strategi pengajaran yang ke arah mencapai

kurikulum standard. Melalui pendekatan ini guru-guru terutamanya guru Pendidikan Islam akan diberi pendedahan tentang strategi pengajaran yang bersesuaian dan pengetahuan serta kemahiran yang tinggi yang sepatutnya dimiliki oleh guru-guru era modenisasi bagi mencapai matlamat dalam KSSR. Maklumat-maklumat ini diharap dapat memberi idea dalam menentukan strategi pengajaran tertentu selaras dengan standard pembelajaran serta dapat membantu guru-guru Pendidikan Islam merancang strategi pengajaran yang lebih bersistematik.

Selain itu kajian ini juga diharapkan akan memberi manfaat kepada para guru dalam mengemaskini dan memurnikan lagi kaedah pengajaran mereka yang sesuai dengan kehendak KSSR serta membantu guru mengatasi masalah yang sering dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Maklumbalas daripada hasil kajian juga akan dapat memberi panduan dan bimbingan kepada pendidik dan pensyarah di Institut Perguruan dan universiti di dalam program latihan perguruan sebagai satu kemahiran pedagogi kepada calon-calon guru.

Bagi murid pula, model pengajaran ini memberi peluang yang lebih luas kepada mereka untuk lebih memahami apa yang sedang mereka pelajari dan mampu menguji kefahaman dan daya kreativiti melalui aktiviti yang dirancang dalam strategi pengajaran guru. Pembelajaran Pendidikan Islam diharapkan akan dapat menarik minat murid seterusnya membimbing mereka ke arah pencapaian dalam memahami dan amalan praktikal serta akademik yang lebih cemerlang. Akhirnya murid akan dapat menggunakan ilmu dan kemahiran yang telah dipelajari dalam kehidupan mereka. Sokongan, minat yang tinggi serta usaha gigih murid diperlukan untuk menjayakan matlamat dan cita-cita serta wawasan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melahirkan insan yang cemerlang dan aktif, di samping mereka dapat memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

Kajian ini juga diharap dapat memberi maklumat kepada pentadbir sekolah tentang tugas guru Pendidikan Islam dalam menentukan strategi pengajaran mereka

sama pentingnya dengan pengajaran matapelajaran teras di sekolah. Kajian ini juga dapat memberi maklumat tambahan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang berkaitan dengan strategi pengajaran berkesan ke arah merealisasikan KSSR serta memperkembangkan profesionalisme keguruan.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang meninjau kesediaan dan amalan strategi-strategi pengajaran guru yang lebih dominan dikalangan guru-guru Pendidikan Islam di daerah Muar dalam merealisasikan kurikulum transformasi sekolah rendah khususnya Pendidikan Islam. Kajian ini melihat persepsi guru strategi pengajaran yang paling sesuai dilaksanakan bagi mencapai standard kandungan dan pembelajaran yang ditetapkan dalam Pendidikan Islam KSSR tahun 1. Sampel kajian ini hanya tertumpu kepada guru-guru Pendidikan Islam Daerah Muar sahaja. Justeru itu kajian ini tidak dapat menggambarkan secara menyeluruh tentang strategi pengajaran tertentu yang terarah ke arah objektif KSSR dalam semua matapelajaran lain sekolah rendah.

Pemilihan sekolah kajian melibatkan semua sekolah rendah di daerah Muar iaitu sebanyak 101 buah sekolah di daerah Muar. Responden yang dipilih pula ialah guru-guru yang mengajar matapelajaran Pendidikan Islam Tahun 1 dan yang melaksanakan pengajaran pendidikan Islam KSSR. Jumlah responden dianggarkan seramai 202 orang iaitu 2 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar tahun 1 di setiap sekolah.

1.9 Kerangka Konsep Kajian


Kerangka konsep kajian ini adalah berdasarkan kepada kerangka teori model pengajaran sistematik Reiser dan Dick (1996) yang mencadangkan di dalam merancang strategi atau proses pengajaran, perkara pertama yang perlu dilakukan ialah mengkaji semula pengajaran diikuti dengan mengenalpasti objektif, seterusnya merancang aktiviti pengajaran, memilih media pengajaran, membina persoalan, proses pelaksanaan pengajaran serta semakan semula pengajaran atau pembaikan.

Menurut model pendekatan sistematik Reiser dan Dick(1996) ini perkara pertama adalah mengenalpasti matlamat pengajaran. Menurut mereka matlamat adalah paling penting di dalam merancang pengajaran. Matlamat yang penting adalah keberhasilan pelajar dalam proses pembelajaran. Matlamat dalam kajian ini boleh didapati melalui kesediaan guru dan daripada huraian sukatan pelajaran sesuatu kurikulum atau sesuatu topik baru dalam sukatan pelajaran.

Setelah mengenalpasti matlamat dalam pembelajaran, guru boleh menetapkan objektif pengajaran dan pembelajaran yang mana ia mengandungi tiga komponen utama iaitu perilaku pelajar yang diharapkan, keadaan semasa perilaku ini dilaksanakan dan piawaian atau kriteria yang mesti dicapai oleh pelajar. Setelah itu dalam model ia menekankan merancang aktiviti pengajaran yang sesuai dengan pelajar kerana setiap pelajar mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang berbeza sepertimana rajah 1.1.

Penekanan kepada pemilihan bahan media pengajaran yang sesuai amat digalakkan dalam pendekatan model ini. Keputusan untuk memilih bahan media pengajaran bergantung kepada objektif atau hasil pembelajaran dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran berkesan. Langkah seterusnya yang diterapkan dalam model pembelajaran ini ialah pembinaan soalan contohnya soal latihan bagi


merangsang kemampuan dan kebolehan murid dalam proses pembelajaran sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Di akhir proses pengajaran dan pembelajaran penyemakan matlamat dan objektif hendaklah dilakukan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran seperti rajah 1.1 dibawah :



Rajah 1.1 : Kerangka Teori Model Pengajaran Reiser dan Dick (1996)

Sumber : Reiser and Dick (1996). *"Instructional Planning"* A Guide for Teachers.

Dengan ini kerangka konsep dalam Rajah 1.2 ini diubahsuai dan diadaptasi daripada model pembelajaran sistematik Reiser dan Dick (1996) ini memperlihatkan satu proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai standard kurikulum sekolah rendah matapelajaran Pendidikan Islam berdasarkan kepada kesediaan, amalan dan strategi serta kaedah pengajaran yang mana akhirnya ia akan memberi impak kepada kejayaan merealisasikan kurikulum transformasi atau Kurikulum Standard Sekolah Rendah.



Rajah 1.2 : Kerangka konsep kajian : Kesediaan, amalan dan strategi pengajaran Pendidikan Islam KSSR Tahun 1

Dalam kerangka ini memperlihatkan keperluan mengenalpasti kandungan pelaksanaan kurikulum terlebih dahulu sebelum merancang dan melaksanakan amalan strategi pengajaran dalam bilik darjah. Mengenalpasti penekanan yang hendak dicapai dalam kurikulum Standard Pendidikan Islam secara tidak langsung dapat mengetahui sejauhmanakah kesediaan guru pendidikan Islam dalam melaksanakan Pendidikan Islam KSSR Tahun 1. Proses pertama ini melihat kepada tujuan umum apakah matlamat, standard kandungan dan penekanan yang perlu dititikberatkan bagi perkara yang hendak dicapai dalam KSSR Tahun 1 secara umum. Proses seterusnya adalah mengenalpasti kesediaan guru dalam melaksanakan Pendidikan Islam KSSR Tahun 1 dengan melihat dari sudut sikap, kemahiran dan pengetahuan. Manakala pemilihan amalan strategi pengajaran pula merupakan satu proses pengajaran dan pembelajaran yang penting bagi melihat kesesuaian strategi

yang akan digunakan dalam kelas berdasarkan kepada topik dan bidang pengajaran Pendidikan Islam. Strategi pengajaran yang dipilih sama ada strategi pengajaran pemusatan guru, bahan atau murid dapat menentukan kehendak sebenar dalam pelaksanaan Pendidikan Islam KSSR tahun 1.

Pada peringkat seterusnya kerangka kajian ini memperlihatkan kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan dalam pengajaran pendidikan Islam berdasarkan turutan sesuai dengan bidang yang diajar oleh guru Pendidikan Islam. Guru akan menetapkan kaedah pengajaran yang sesuai dengan strategi pengajaran yang dirancang oleh guru. Dengan itu kesesuaian pelaksanaan kaedah pengajaran akan memberi impak kepada proses pembelajaran murid. Sehubungan dengan itu dengan adanya kerangka kajian ini diharap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam KSSR Tahun 1 dapat di capai dan lebih berkesan dengan memberi penekanan kepada perkara-perkara yang berkaitan.

1.10 Definisi Istilah

1.10.1 Kesediaan Guru

Kesediaan dalam kajian ini difokuskan untuk guru. Maka itu kesediaan bermaksud kemampuan seseorang untuk menerima sesuatu perkara dari segi mental fizikal dan emosi. Dalam erti kata yang lebih luas kesediaan dalam konteks guru bermaksud kesanggupan seorang guru memikul tanggungjawab meliputi aspek-aspek berikut iaitu:

- i. Pengetahuan : merujuk kepada kefahaman seseorang terhadap sesuatu perkara

- ii. Sikap : perkara-perkara yang berkaitan dengan semangat dan perasaan jiwa yang kuat seperti sedih , gembira, takut dan lain
- iii. Kemahiran : kepintaran dan kecekapan melakukan sesuatu

1.10.2 Amalan

Dalam konteks kajian ini, amalan bermaksud aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran seperti strategi pengajaran, bagaimana strategi pengajaran dijalankan dan kaedah-kaedah pengajaran yang dilaksanakan dalam strategi pengajaran yang diamalkan.

Menurut Cohen, Raudenbush dan Ball (2003), bukti-bukti statistik yang dijalankan menunjukkan bahawa amalan pengajaran itu adalah pengetahuan dan tindakan yang memberi pengaruh terhadap pembelajaran murid.

1.10.3 Standard

Standard bermaksud sebuah dokumen yang mengandungi kod, spesifikasi, aplikasi yang bersesuaian, klasifikasi dan panduan yang dilakukan oleh sesebuah organisasi atau institusi dan disahkan sesuai dengan prosedur yang tertentu. Manakala dalam konteks pengajaran standard bermaksud satu pernyataan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh seorang guru.

1.10.4 Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

KSSR adalah singkatan daripada perkataan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Ia merupakan satu transformasi kurikulum yang menggantikan KBSR (Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 bermula tahun 1. Ia merupakan satu rancangan kurikulum baru yang menekankan strategi-strategi pengajaran itu yang memberi peluang pembelajaran yang tidak terhad kepada murid, menyeronokkan serta mengambil kira kepelbagaian kecerdasan murid.

1.10.5 Strategi Pengajaran

Strategi adalah suatu susunan pendekatan-pendekatan dan kaedah-kaedah untuk mencapai sesuatu matlamat dengan menggunakan tenaga, masa serta kemudahan secara optimum.

Manakala definisi strategi dalam bidang pendidikan menurut pandangan Mok Soon Sang (2008) ialah kebijaksanaan memilih pendekatan serta kecekapan merancang kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan objektif pelajaran yang telah ditentukan. Sebagai contohnya, untuk memenangi pertandingan badminton, seorang pemain bukan sahaja perlu menguasai segala kaedah untuk menghantar bola tangkis kepada lawannya tetapi ia juga perlu merancang strategi permainan itu. Strategi permainan adalah seperti bermain secara “*defence*” pada permainan pertama untuk meletihkan musuh dan kemudiannya menyerang dengan secara smash yang kencang pada permainan kedua. Jika pemain itu menguasai semua kaedah menghantar bola tangkis dengan sempurna tetapi strategi permainannya tidak sesuai, maka ia akan dikalahkan. Oleh sebab itu,

ada kalanya pasukan yang mahir dalam semua kaedah tetap kalah kerana strategi permainannya tidak sistematik.

Manakala pengajaran dalam bahasa Inggeris adalah *instruction* iaitu daripada kata dasar *instruct* yang bermaksud ajar. Maka itu pengajaran bermaksud proses mengajar sesuatu. Ia adalah proses, bentuk atau cara penyampaian maklumatoleh seseorang kepada orang lain. Pengajaran boleh berbentuk arahan, tunjuk cara, penerangan lisan dan bukan lisan atau bentuk-bentuk lain yang bertujuan membolehkan orang lain memahami, memulakan atau menjalankan sesuatu aktiviti, tindakan atau tugas (James Ang, 2009).

Dalam kajian ini, strategi pengajaran yang dimaksudkan terbahagi kepada tiga iaitu strategi pemusatan guru, strategi pemusatan murid dan strategi pemusatan bahan. Untuk mencapai objektif-objektif pengajaran, seseorang guru biasanya menggunakan gabungan beberapa pendekatan serta kaedah mengajar tertentu. Rancangan gabungan pendekatan dan kaedah serta turutan pendekatan itu dilaksanakan merupakan strategi pengajaran.

1.10.6 Kaedah Pengajaran

Kaedah ialah satu perancangan yang sistematik secara keseluruhan Perancangan atau prosedur yang perlu diamalkan oleh semua guru bagi melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang sistematik, terancang dan teratur.

Menurut Ahmad Mohd Salleh (2008), dari perspektif pendidikan, kaedah adalah segala kegiatan terarah yang dijalankan oleh guru dalam rangka menyampaikan pengajaran yang berkesan, sekaligus ia membantu murid-murid untuk mencapai proses belajar dan perubahan yang dikehendaki terhadap tingkah laku murid, selanjutnya menolong murid-murid memperoleh maklumat, pengetahuan, keterampilan, kebiasaan, sikap, minat dan nilai-nilai yang diinginkan.

Beberapa kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh guru Pendidikan Islam digunakan sebagai pengukur dalam kajian ini iaitu kaedah kuliah, hafazan, soal jawab, bercerita, simulasi, demonstrasi, perbincangan, projek, inkuiri, audio visual, pengembaraan, permainan dan latihan-tubi.

1.10.7 Pengalaman Mengajar

Pengalaman merupakan satu pengetahuan empirikal bagi menjadikan seseorang guru mencapai tahap kecekapan yang dituntut. Goodwin (1999) mentakrifkan pengalaman mengajar sebagai antara kalayakan asas yang utama dalam pengajaran berkesan.

Faktor pengalaman mengajar merupakan pengetahuan yang dibentuk oleh interaksi antara faktor-faktor persekitaran kerja. Tempoh dan kekerapan melalui tugas pengajaran samada berjaya atau sebaliknya, sedikit demi sedikit membina pengetahuan dan kemahiran profesion yang diperlukan. Guru-guru berpengalaman banyak bergantung kepada ingatan dan tafsiran terhadap pengajaran terdahulu yang berkaitan (Gist & Mitchell, 1992).

1.11 Penutup

Tanggungjawab guru adalah mengajar dan mendidik murid menjadi seorang insan yang cemerlang memenuhi aspek jasmani, rohani, emosi dan sahsiah sepertimana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dengan memikul tanggungjawab itu seorang guru haruslah bijak memilih dan mengatur strategi dan pengajaran berkesan bagi menjamin kejayaan dalam kita menyusuri era transformasi kurikulum di Malaysia dari KBSR kepada KSSR mulai tahun 2011.

Selain itu pembangunan manusia berdasarkan visi kehambaan dan visi khalifah tidak boleh dilihat dan dibangunkan secara terpisah, tetapi perlu dibangunkan atas falsafah penyatuan dan pelengkap antara satu dengan yang lain. Pembangunan potensi spiritual atau kejiwaan pula membolehkan manusia menunaikan tanggungjawab sebagai khalifah. Oleh itu kedua-dua pembangunan ini perlu dijadikan asas dalam proses mendidik bagi seorang guru bagi tujuan membangunkan sumber manusia yang seimbang dan berkualiti tinggi (Rohana Hamzah, 2010).

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kejayaan transformasi kurikulum ini seperti yang diharapkan oleh kerajaan amnya dan masyarakat khususnya sebagai guru kita mestilah mengambil semua pendekatan dalam strategi pengajaran sebagai satu daya usaha kita menjayakan KSSR Selain itu .komitmen menyeluruh daripada semua pihak termasuk pembuat dasar, pelaksana, pengurus kurikulum, ibu bapa serta pihak kepentingan bagi menentukan strategi pengajaran berkesan untuk meningkatkan kualiti murid dalam Pendidikan Islam KSSR.

SENARAI RUJUKAN

- Abdul Majid Konting (1997). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka..
- Abdul Rahim Hamdan (2007). *Pengajian Kurikulum*. Skudai Johor Bahru : Universiti Teknologi Malaysia
- Abdul Rahim Hamdan (2009). *Falsafah Dan Pemikiran Pendidikan*. Johor: Penerbit UTM.
- Abdul Raof Dalip (1993). *Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran Agama Islam di Sekolah Menengah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Ishak (1989). *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Badan Dakwah dan Kebajikan Malaysia.
- Abdullah Sani.Y (2003). *Perkembangan Pendidikan Di Malaysia*. Pahang : PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Abu Bakar Nordin, Ikhsan Othman (2003). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Perak : Quantum Books.
- Ahmad Mohd Salleh (2008). *Pengajian Agama Islam & j-QAF : Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. Selangor : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ahmad Yunus Kasim (2000). *Mata Pelajaran Elektif Tasawwur Islam KBSM : Kesannya Terhadap Perubahan Sikap Pelajar Sekolah-sekolah Menengah Daerah Seremban*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Kajian Sarjana.
- Al-Syaibani, Omar Nuhanad al-Toumi (1979). *Falsafah al-Tarbiyyah al-Islamiah*. Libya: Al-Mansya'ah al-Sya'biyyah li al-Nasyr wa al-Tauzi' wal'lam'.
- Amri Daud (2005). *Kajian Keberkesanan j-Qaf Di Dua Buah Sekolah Perintis di Terengganu*. Universiti Malaya : Tesis Sarjana Pendidikan.
- Esah Sulaiman (2003). *Asas Pedagogi*. Johor. Fakulti Pendidikan UTM
- Eggen, P. D & Kauchak, D.P. (2001). *Strategies for teacher : Teaching Content and Thinking Skills*. New York : Allyn and Bacon.
- Fraenkel, J.R & Wallen, N.E. (1996). *How To Design And Evaluate Research In Education*. (3rd cd. New York : Mc Graw Hill.

- Gamal Abdul Nasir Zakaria (2003). *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*. Pahang: PTS Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Gist, M.E & Mitchell, T.R.(1992). *Self- efficacy : A theoretical analysis of its determinants and malleability*. *Academy of Management Review* 17 (2): 183-211
- Goodwin (1999). *Improving Teaching Quality: Issues and Policies*. Washington : Mid Continent Regional Education Lab, Aurora, CO, Office of Educational Research and Improvement (Ed).
- Hasan Langgulung (1981). *Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- Hasan Langgulung (1986). *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khaldun (2000). *Muqadimah Ibn Khaldun, Terjemahan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.
- James Ang Jit Eng, Balasandran Ramiah (2009). *Kepimpinan Instruksional Satu Panduan Praktikal*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri (2007). *Pendidikan Islam : Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*. Skudai, Johor :Penerbit UTM.
- Kamus Dewan (1998). *Edisi ke Empat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2002). *Pembangunan pendidikan 2001-2010: Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2004). *Kurikulum Pendidikan Islam KBSR*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2010). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah(KSSR)* . Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kerlinger, F (1985). *Foundations of Behavioral Research*.(3rd Ed). Fort Worth : Harcourt Brace College Publisher.
- Looney, L.(2003). *Understanding Teachers Efficacy Beliefs : The Role of Profesional Community*. University of Maryland : Tesis Sarjana.
- Mohd Aszhar bin Mohd Sani (2004). *Tinjauan Awal Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Baru Matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan 1 di*

- Sekolah Menengah Sekitar Kawasan Skudai, Johor Bahru*. UTM : Tesis Sarjana Muda Pendidikan.
- Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Rekabentuk Tinjauan Soalselidik Pendidikan*. Skudai : Penerbit UTM
- Mok Soon Sang (2008). *Murid Dan Alam Belajar*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Muhammad Uthman el-Muhammadi. (2003). "*Masa Hadapan Pendidikan Di Sekolah Agama Rakyat*". dlm. Suzalie Mohamad. "*Memahami Isu-isu Pendidikan*."
- Muhd Juhdi Hj Salleh (2007). *Guru Efektif Dan Peranan Guru Untuk Mencapai Objektif Persekolahan Sekolah Rendah, Persfektif Guru Besar*. Seminar Penyelidikan Pendidikan : Institut Perguruan Batu Lintang Tahun 2007.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad dan Zuraidah A. Majid (2010). *Guru Dan Cabaran Semasa*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Norliza bt Abd Manaf. (2008). *Kaedah Pengajaran Guru-Guru di Pusat asuhan Tunas Islam (PASTI) Kawasan Bachok..* UTM : Tesis Sarjana Muda Pendidikan.
- Raminah Sabran, Rahim Syam (1985). *Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia*. Petaling : Fajar Bakti.
- Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib (1998). *Pengajaran Dalam Bilik Darjah : Kaedah Dan Strategi*. Kajang : Masa Enterprise.
- Reiser and Dick (1996). "*Instructional Plainning*" A Guide for Teachers. Needham
- Rohana Hamzah (2010). *Mengenalinya Manusia Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*. Skudai Johor Bahru : Penerbit Press UTM
- Ross, J.A (1994). *Beliefs That Make a Difference : The Origins and Impacts of Teache Efficacy*. Paper Presented at the Annual Meeting of the Canadian Association for Curriculum Studies.
- Seman Salleh (2005). *Jurnal Penyelidikan IPBA*. Jabatan Pengajian Melayu. Jilid 3/ Bahagian 2.
- Sharifah Alwiyah Alsagoff (1986). *Ilmu Pendidikan : Pedagogi*. Cetakan ke 4. Kuala Lumpur : Heinemann.

- Sharifah Alwiyah Alsagoff (1990). *Sosiologi Pendidikan*. Edisi 4. Selangor: Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Sidek Baba. (2005). *Pendidikan Islam dan Proses Integrasi Dalam Membangunkan Islam Hadhari*. Kertas Kerja Kursus Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab Berasaskan Pendekatan Islam Hadhari Untuk Jurulatih Utama. Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral, JAPIM Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Siti Aishah Mohd Elias (2006). *Mengajar Secara Efektif*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Smaldino S. E, Russel J. D, Heinich R & Molenda M. (5th ed). (2005). *Instructional Technology and Media for Learning*. New Jersey. Pearson Prentice Hall.
- Sobri Salamon & Haron Din (1988). *Masalah pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : al-Rahmaniah.
- Sufean Hussin (2008). *Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Edisi Ke 2. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaida Abd Kadir (2002). *Perbandingan Pembelajaran Koperatif Dan Tradisional Terhadap Prestasi, Atribusi Pencapaian, Konsep Kendiri, Akademik Dan Hubungan Soasial Dalam Pendidikan Perakaunan*. UPM : Tesis Doktor Falsafah Pendidikan.
- Syarul Riza (2008). *Konsep Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Ibn Khaldun : Suatu Kajian Terhadap Elemen-Elemen Kemasyarakatan Islam*. USM : Tesis untuk Sarjana Sastera.
- Syed Ali Ashraf (1994). Faith –Based Education: A Theoretical Shift From The Secular to the Transcendant. 11 1-4.
- Syed Muhammad al-Naqib al-Attas (1992). *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. Terjemahan Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- T.Subahan Mohd Meerah. (2003). *Isu-isu Perkaedahan Pengajaran Pendidikan Islam*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam, 3:429-437
- Tajul Ariffin Nordin dan Dr. Nor'Aini Dan (2002). *Pendidikan & Pembangunan Manusia Pendekatan Bersepadu*. Selangor : As-Syabab Media.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Faridah Binti Che Hussain (2008). *Pendekatan Individu Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wacana Melahirkan Modal Insan Bertamadun*. UM: Jurnal Usuluddin.

- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. Yusmini Md Yusoff (2007). *Kaedah Mengajar Dan Kemahiran Interpersonal Guru*. Selangor : PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Tyler,R.W (1949). *Basic principles of curriculum and instruction*. Chicago : University of Chicago Press.
- Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Pendidikan Islam & Moral (2004). *Laporan Penyelidikan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar*.
- Universiti Teknologi Malaysia (2002). *Panduan Menulis Tesis*. Pusat Pengajian Siswazah.
- Wan Mohd Zahid Wan Mohd Noordin (1987). *Ke Arah Pengurusan dan Penyeliaan Bilik Darjah*. Kertas kerja dibentang dalam Persidangan Pegawai-Pegawai Pendidikan Daerah Kali ke 5 di Kota Bharu, Kelantan
- Wan Mohd Zahid Wan Mohd Nordin (1994). *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise
- Zainab Ismail (2002). *Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Dalam Arus Globalisasi. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1): Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi*. Hlm.109
- Zainal Abidin Hj. Abdul Kadir (1993). "Reformasi Pendidikan Islam Di Sekolah:Matlamat Dan Harapan". dlm. Ismail Ab. Rahman."Isu-isu Pendidikan Islam Di Malaysia : Cabaran & Harapan".18-15.